



17 OCT, 2019

ST pergiat pantau premis dobi

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

ST pergiat pantau premis dobi

Putrajaya: Suruhanjaya Tenaga (ST) kini menggiatkan pemantauan terhadap premis yang menjalankan perniagaan dobi di seluruh negara bagi memastikan ia beroperasi mengikut spesifikasi dan garis panduan ditetapkan sebelum lesen diberi.

Pengarah Operasi Industri ST, Roslee Esman berkata, sebelum ini kaedah memberi pelesenan bagi perniagaan itu agak longgar berikutan timbul masalah punca kuasa pihak mana seharusnya bertanggungjawab terlebih dulu.

Menurutnya, punca kuasa itu membabitkan ST, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap daerah.

“Kebanyakan yang diamalkan sebelum ini, lesen terus diberi PBT apabila peniaga nak minta lesen dobi layan diri dari pihak berkuasa kerajaan tempatan itu tanpa merujuk ST.

“Waktu itu, ada masalah siapa dulu perlu dirujuk. Ini menyebabkan premis dobi layan diri tumbuh seperti cendawan selepas hujan dan perlu dikawal selia.

“Namun selepas beberapa perbincangan antara ST, JBPM dan PBT

mengambil pendekatan setiap permohonan lesen dobi layan diri perlu mendapat kelulusan ST berikutan operasi premis itu perlu mematuhi beberapa kriteria termasuk pemasangan paip gas petroleum cecair (LPG),” katanya ketika ditemui Skuad Khas Harian Metro.

Antara kelengkapan dalam premis dobi layan diri yang memerlukan kelulusan ST, katanya, adalah sistem gas berpaip dilengkapi alat atur untuk perkakas seperti mesin pengering dan pemanas air.

Mengulas lanjut, katanya, pemasangan gas berpaip di premis dobi perlu mengikut spesifikasi dan jarak ditetapkan mengikut Malaysia Standard MS830 dan MS930 serta garis panduan ST.

“Mengikut Seksyen 11, Akta Bekalan Gas 1993 tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti pengimpوران ke terminal penggasan semula, penggasan semula gas, pengiraman gas, pengangkutan gas, pe-

ngagihan gas, peruncitan gas atau penggunaan gas melainkan orang itu dilesenkan di bawah akta ini.

“Jika menjalankan apa-apa aktiviti peruncitan atau penggunaan gas melalui sistem perpaipan tanpa lesen hukuman memperuntukkan denda tidak melebihi RM 100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak melebihi RM 1,000 selepas sabitan jika kesalahan itu berterusan.

“Selepas kejadian letupan sebab kebocoran gas di premis dobi layan diri Oktober tahun lalu mengakibatkan dua beranak termasuk seorang maut, pihak ST bersama PBT dan JBPM giat memantau premis berkenaan secara bersepadu,” katanya.

Menurutnya, statistik terkini premis dobi yang sudah memenuhi syarat ST sehingga 7 Oktober lalu adalah sebanyak 688 premis dan permohonan mendapatkan perakuan ST dari seluruh negara setiap bulan terus meningkat.

Katanya, buat masa ini pihaknya melaksanakan pendekatan pendidikan kepada pengusaha sebelum tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

ESOK: Derita remaja melecuk akibat dobi meletup

“
Setiap permohonan lesen dobi layan diri perlu mendapat kelulusan ST
Roslee





17 OCT, 2019

ST pergiat pantau premis dobi

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Putrajaya: Suruhanjaya Tenaga (ST) kini menggiatkan pemantauan terhadap premis yang menjalankan perniagaan dobi di seluruh negara bagi memastikan ia beroperasi mengikut spesifikasi dan garis panduan ditetapkan sebelum lesen diberi. Pengarah Operasi Industri ST, Roslee Esman berkata, sebelum ini kaedah memberi pelesenan bagi perniagaan itu agak longgar berikutan timbul masalah punca kuasa pihak mana seharusnya bertanggungjawab terlebih dulu.